

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RAK 441 - Kajian Perumahan 1

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. a) Ada pendapat menyatakan bahawa "Perumahan adalah bukan rumah". Terangkan pernyataan di atas.

(50 markah)

- b) Anda dikehendaki menilai keadaan perumahan untuk tujuan mendapatkan keperluan perumahan negara. Apakah perkara-perkara yang perlu diambilkira untuk tujuan tersebut.

(50 markah)

2. Dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Ke Empat telah menggariskan beberapa kelemahan terhadap pembangunan perumahan di negara kita.

Terangkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ke Lima untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

(100 markah)

3. Pihak pemaju di negara kita sentiasa merungut tentang kenaikan kos pembangunan perumahan. Apakah faktor-faktor memberi kesan kenaikan kos tersebut dan bagaimakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengawalnya.

(100 markah)

4. Kebanyakan di negara-negara ketiga didapati sumber-sumber perumahan awam adalah terhad, tetapi dibandingkan dengan keperluan perumahan jumlahnya adalah besar. Apakah pendekatan yang lazimnya diambil untuk memperdekatkan jurang keperluan perumahan. Terangkan pendekatan alternatif selain daripada yang disebutkan.

(100 markah)

5. a) Apakah yang dimaksudkan dengan pembiayaan terakhir dan nyatakan sumber-sumber pembiayaan terakhir yang boleh diperolehi di negara kita.

(50 markah)

b) Keluarga-keluarga golongan berpendapatan rendah yang mula bertapak di bandar mempunyai keutamaan-keutamaan tertentu berhubung dengan perumahan mereka dibandingkan dengan keluarga yang sudah bertapak dan mempunyai pendapatan yang kukuh. Jelaskan keutamaan-keutamaan tersebut.

(50 markah)

6. a) Apakah yang dimaksudkan perumahan kepadatan tinggi di bangunan tinggi? Berikan empat kebaikan untuk menyokong perumahan kepadatan tersebut.

(40 markah)

b) Huraikan berkenaan dengan perkara-perkara berikut:-

i) Perumahan sesak dan perumahan setinggan

(15 markah)

ii) Perumahan Kondominium

(15 markah)

iii) Jenis-jenis hakmilik tanah terdapat di Malaysia

(15 markah)

iv) Dua cara merekabentuk jalan ke unit-unit kediaman

(15 markah)

00000000